

**PELANTIKAN**

# Zulkifli Ismail Ketua Pengarah baharu JKM

**Putrajaya:** Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Zulkifli Ismail, dilantik Ketua Pengarah JKM baharu, menggantikan Mohd Fazari Salleh, berkuat kuasa semalam.

Menurut kenyataan JKM, Zulkifli, 58, lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Pembangunan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Ijazah Sarjana Pembangunan Komuniti dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

“Beliau menyertai perkhidmatan awam sebagai Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, Pusat Serenti Karangan, Kulim, Kedah pada 15 April 1989.



## Pelantikan berdasar prestasi

“Beliau kemudian berkhidmat selaku Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Batang Padang, Tapah, Perak, bermula 1 Ogos 1996 dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM sejak 14 Februari 2017.

“Pelantikan beliau adalah berdasarkan prestasi dan pengalaman luasnya di JKM, di samping pengetahuan serta kredibilitinya,” katanya.

Pelantikan Zulkifli diharap dapat membawa JKM ke satu dimensi baharu dalam mengarusperdanakan profesion kerja sosial dan memantapkan pengurusan hal ehwal pembangunan masyarakat di negara ini.

Mohd Fazari pula berkhidmat selama setahun sebagai Ketua Pengarah JKM, bermula 10 Februari tahun lalu sebelum bersara wajib berkuat kuasa kelmarin.